

BAB 9

PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM - TRANSAKSI TERUNDING

9.1 PIHAK-PIHAK YANG BOLEH MEMASUKI ISSBNT

Hanya Peserta ISSBNT boleh memasuki ISSBNT.

9.2 PERMOHONAN MENJADI PEMBEKAL YANG DILULUSKAN

Seseorang yang memohon untuk turut serta sebagai pembekal dalam ISSBNT sama ada untuk menjual Sekuritinya sendiri atau Sekuriti yang dimiliki oleh pelanggannya hendaklah:

- (i) menyerahkan permohonan dan aku janji lengkap yang dilaksanakan sewajarnya dalam bentuk yang ditetapkan menerusi Wakil Pembekal kepada Pusat Penjelasan; dan
- (ii) mematuhi semua kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan untuk Pembekal yang Diluluskan sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini, atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang bersangkutan dengan ISSBNT.

9.3 PERMOHONAN UNTUK MENJADI PENGGUNA YANG DILULUSKAN

Mana-mana orang yang memohon untuk turut serta sebagai pengguna dalam ISSBNT sama ada untuk membeli Sekuriti untuk sendiri atau untuk pelanggannya hendaklah:

- (a) berada dalam satu daripada kategori orang yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang layak untuk menjadi Pengguna yang Diluluskan;
- (b) menyerahkan permohonan dan aku janji lengkap yang dilaksanakan sewajarnya dan dalam bentuk yang ditetapkan menerusi Wakil Pengguna kepada Pusat Penjelasan;
- (c) mematuhi semua kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan bagi Pengguna yang Diluluskan sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini, atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan ISSBNT; dan
- (d) mematuhi Kaedah 7.37 Kaedah-Kaedah Bursa seolah-olah Organisasi Penyertaan yang dirujuk dalam Kaedah tersebut.

9.4 BUDI BICARA PUSAT PENJELASAN

- (a) Pusat Penjelasan boleh meluluskan atau menolak permohonan sedemikian sebagaimana yang difikirkan sesuai. Pusat Penjelasan boleh juga meluluskan permohonan tanpa syarat atau tertakluk pada syarat sedemikian, sebagaimana yang difikirkan sesuai.
- (b) Pusat Penjelasan boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada Peserta ISSBNT, pada bila-bila masa tanpa merujuk Peserta ISSBNT selanjutnya apabila satu atau lebih kejadian yang berikut berlaku:

- (i) apabila Peserta ISSBNT memohon untuk pembatalan;
 - (ii) apabila Peserta ISSBNT tidak lagi layak di bawah Kaedah 9.2 atau Kaedah 9.3, mengikut mana-mana yang berkaitan, untuk terus sebagai Pembekal yang Diluluskan atau Pengguna yang Diluluskan; atau
 - (iii) sekiranya Pusat Penjelasan menyifatkan perlu dalam perundingan dengan Suruhanjaya Sekuriti.
- (c) Sekiranya Pusat Penjelasan telah membatalkan kelulusan yang diberikan kepada Peserta ISSBNT, Pusat Penjelasan boleh mengarahkan Peserta ISSBNT sedemikian untuk Memadamkan ISSBNT atau mengambil Tindakan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dalam rangka masa dan dalam cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

9.5 TUJUAN PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM

- (a) Pengguna yang Diluluskan boleh membeli Sekuriti ISSBNT yang Layak hanya untuk mana-mana satu tujuan yang berikut:
 - (i) untuk penyelesaian Jualan Singkat Dikawal Selia dalam Sekuriti ISSBNT yang Layak;
 - (ii) untuk penyelesaian jualan Sekuriti ISSBNT yang Layak sekiranya tiada Sekuriti atau Sekuriti tidak mencukupi dalam akaun sekuriti penjual yang akan membolehkan penjual memenuhi obligasi penyerahan kepada pembeli (“perdagangan berpotensi gagal”) disebabkan kesilapan yang bagaimana jua pun yang dilakukan apabila melaksanakan jualan dengan sentiasa menjadi syarat bahawa kesalahan tersebut dilakukan dengan niat baik dan ditemui hanya selepas jualan telah dilaksanakan;
 - (iii) untuk penyelesaian Jualan Singkat Dibenarkan dalam Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan menurut Kaedah-Kaedah Bursa; atau
 - (iv) untuk melaksanakan SBLNT atau ISSBNT lain, dengan syarat peserta dalam transaksi sedemikian mematuhi Kaedah ini; atau
 - (v) bagi tujuan lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dalam perundingan dengan Suruhanjaya Sekuriti.
- (b) Sekiranya Sekuriti ISSBNT dibeli untuk menyelesaikan perdagangan yang berpotensi gagal sebagaimana yang diberikan dalam Kaedah 9.5(a)(ii), Pengguna yang Diluluskan hendaklah melaksanakan Peringkat 2 ISSBNT dalam masa yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Untuk tujuan subkaedah (a), melainkan konteksnya menghendaki yang selainnya–
 - (i) “Jualan Singkat Dibenarkan” merujuk jualan singkat Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan sebagai “Jualan Singkat Dibenarkan” menurut Kaedah-Kaedah Bursa; dan
 - (ii) “Jualan Singkat Terkawal” hendaklah mempunyai maksud yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Kaedah-Kaedah Bursa.

9.6 KELULUSAN SEBAGAI WAKIL PEMBEKAL

- (a) Untuk menjadi Wakil Pembekal, seseorang hendaklah:
- (i) menjadi Peserta Penjelasan Dagangan, Peserta Penjelasan bukan Dagangan atau berada dalam kategori lain orang yang ditetapkan yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan sebagai layak untuk menjadi Wakil Pembekal;
 - (ii) memenuhi kehendak Kaedah 9.7(c);
 - (iii) memohon kepada Pusat Penjelasan untuk diluluskan sebagai Wakil Pembekal; dan
 - (iv) menyerahkan kepada Pusat Penjelasan perakuan bertulis dalam bentuk yang ditetapkan dalam Lampiran 1 bersama-sama dengan permohonannya sebagaimana yang dirujuk di atas.
- (b) Tanpa menjelaskan kuasa yang diberikan kepada Pusat Penjelasan dalam Kaedah 2A.2, Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa sebelum atau selepas penerimaan perakuan yang ditetapkan dalam Lampiran 1, melakukan apa-apa pemeriksaan atau audit ke atas orang yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Pembekal dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh meluluskan atau menolak permohonan untuk menjadi Wakil Pembekal sebagaimana yang difikirkan sesuai.
- (d) Pusat Penjelasan boleh juga meluluskan permohonan untuk menjadi Wakil Pembekal tanpa syarat atau tertakluk pada syarat sedemikian, sebagaimana yang difikirkan perlu untuk memastikan operasi IBBNT yang licin.
- (e) Wakil Pembekal hendaklah bertindak sebagai wakil Pembekal yang Diluluskan yang sewajarnya apabila melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.7(a) dan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (f) Seseorang tidak seharusnya melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.7(a) bagi mana-mana Pembekal yang Diluluskan, sebagai wakilnya, melainkan telah diluluskan terlebih dahulu sebagai Wakil Pembekal dan telah menandatangani perjanjian bertulis dengan Pembekal yang Diluluskan sedemikian untuk dilantik sebagai Wakil Pembekal, dengan perjanjiannya hendaklah termasuk perkara-perkara yang ditetapkan dalam Lampiran 2.

9.7 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB WAKIL PEMBEKAL

- (a) Wakil Pembekal yang dilantik sebagai Pembekal yang Diluluskan hendaklah mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berikut:
- (i) untuk memproses permohonan mana-mana orang yang memohon untuk menjadi Pembekal yang Diluluskan ("Pembekal yang Diluluskan Tersebut");
 - (ii) untuk menghantar atau mengemukakan kepada Pembekal yang Diluluskan Tersebut apa-apa pemberitahuan atau maklumat terkini yang dikomunikasikan oleh Pusat Penjelasan yang bersangkutan dengan IBBNT Pembekal SBLNT yang Diluluskan Tersebut atau yang diterima oleh Wakil Pembekal daripada Pusat Penjelasan bagi maklumat tentang Pembekal yang Diluluskan Tersebut;
 - (iii) untuk mengumpulkan semua dokumen, borang, perjanjian, surat ikatan termasuk apa-apa pindaan atau variasi daripada dokumen tersebut yang berkaitan dengan atau yang mengawal IBBNT sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan, daripada Pembekal yang Diluluskan

- Tersebut untuk diserahkan kepada Pusat Penjelasan dan daripada Pusat Penjelasan untuk penghantaran kepada Pembekal yang Diluluskan Tersebut;
- (iv) untuk menerima apa-apa fi dan caj yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh Pembekal yang Diluluskan Tersebut kepada Pusat Penjelasan yang timbul berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan yang bersangkutan dengan ISSBNT dan untuk membayar kepada Pusat Penjelasan fi dan caj sedemikian yang berkaitan dengan ISSBNT;
 - (v) untuk membekalkan kepada Pusat Penjelasan maklumat atau Dokumen sedemikian yang berkaitan dengan ISSBNT dan nasihat, pernyataan dan laporan sedemikian tentang operasi ISSBNT pada masa sedemikian dan dalam cara sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan;
 - (vi) Untuk melaksanakan dengan berkesan apa-apa arahan, direktif atau perintah yang diberikan oleh Pusat Penjelasan bagi melicinkan operasi apa-apa transaksi oleh Pembekal yang Diluluskan Tersebut yang berkaitan dengan ISSBNT;
 - (vii) Untuk memberitahu Pusat Penjelasan dengan serta-merta apabila menyedari berlakunya apa-apa pelanggaran atau yang berkemungkinan dilakukan oleh Pembekal yang Diluluskan Tersebut akan mana-mana Kaedah ini atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan ke atas Pembekal yang Diluluskan Tersebut yang berkaitan dengan ISSBNT; dan
 - (viii) fungsi dan tanggungjawab lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, melalui notis yang diberikan kepada Wakil Pembekal, meminda, mevariasikan atau mengubah suai fungsi dan tanggungjawab Wakil Pembekal.
 - (c) Wakil Pembekal hendaklah memastikan bahawa pada setiap masa, sistem keperluan, prasarana, kefungsian dan kawalan prestasi bagi fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah 9.7(a) telah disediakan.
 - (d) Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.7(a) bagi pihak Pembekal yang Diluluskan, Wakil Pembekal hendaklah mematuhi tatacara atau kehendak sebagaimana yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan.

9.8 KELULUSAN SEBAGAI WAKIL PENGGUNA

- (a) Untuk menjadi Wakil Pengguna, seseorang hendaklah:
 - (i) menjadi Peserta Penjelasan Dagangan, atau berada dalam kategori lain orang yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan sebagai layak untuk menjadi Wakil Pengguna;
 - (ii) memenuhi kehendak Kaedah 9.9(c) yang berikut;
 - (iii) memohon kepada Pusat Penjelasan untuk diluluskan sebagai Wakil Pengguna; dan
 - (iii) menyerahkan kepada Pusat Penjelasan perakuan bertulis dalam bentuk yang ditetapkan dalam Lampiran 3, bersama-sama dengan permohonannya sebagaimana yang dirujuk di atas.

- (b) Tanpa menjelaskan kuasa yang diberikan kepada Pusat Penjelasan dalam Kaedah 2A.2 yang berkaitan dengan pelaksanaan pemeriksaan ke atas Peserta Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh, sebelum atau selepas penerimaan perakuan yang ditetapkan dalam Lampiran 3, melakukan apa-apa pemeriksaan atau audit ke atas orang yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Wakil Pengguna dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh meluluskan permohonan untuk menjadi Wakil Pengguna sebagaimana yang difikirkan sesuai.
- (d) Pusat Penjelasan boleh juga meluluskan permohonan untuk menjadi Wakil Pengguna tanpa syarat atau tertakluk pada syarat sedemikian, sebagaimana yang difikirkan perlu untuk memastikan operasi ISSBNT yang licin.
- (e) Wakil Pengguna hendaklah bertindak sebagai wakil Pengguna yang Diluluskan sewajarnya apabila melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.9(a) dan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (f) Seseorang tidak seharusnya melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.9(a) bagi mana-mana Pengguna yang Diluluskan sebagai wakilnya, melainkan telah diluluskan terlebih dahulu sebagai Wakil Pengguna dan telah menandatangani perjanjian bertulis dengan Pengguna yang Diluluskan sedemikian untuk dilantik sebagai Wakil Pengguna, dengan perjanjiannya hendaklah termasuk perkara-perkara yang ditetapkan dalam Lampiran 4.

9.9 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB WAKIL PENGGUNA

- (a) Wakil Pengguna yang diluluskan Pengguna yang Diluluskan hendaklah mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berikut:
 - (i) untuk memproses permohonan mana-mana orang yang memohon untuk menjadi Pengguna yang Diluluskan ("Pengguna yang Diluluskan Tersebut");
 - (ii) Untuk menghantar atau mengemukakan kepada Pengguna yang Diluluskan apa-apa pemberitahuan atau maklumat terkini yang dikomunikasikan oleh Pusat Penjelasan yang bersangkutan dengan ISSBNT Pengguna yang Diluluskan Tersebut atau yang diterima oleh Wakil Pengguna daripada Pusat Penjelasan bagi maklumat Pengguna yang Diluluskan Tersebut;
 - (iii) untuk mengumpulkan semua dokumen, borang, perjanjian, surat ikatan termasuk apa-apa pindaan atau variasi daripada dokumen tersebut yang berkaitan dengan atau yang mengawal ISSBNT sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan, daripada Pengguna yang Diluluskan Tersebut untuk diserahkan kepada Pusat Penjelasan dan daripada Pusat Penjelasan untuk penghantaran kepada Pengguna yang Diluluskan Tersebut;
 - (iv) untuk menerima apa-apa fi dan caj yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh Pengguna yang Diluluskan Tersebut kepada Pusat Penjelasan yang timbul berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan yang bersangkutan dengan ISSBNT dan untuk membayar kepada Pusat Penjelasan fi dan caj sedemikian yang berkaitan dengan ISSBNT;
 - (v) untuk membekalkan kepada Pusat Penjelasan maklumat atau Dokumen sedemikian yang berkaitan dengan ISSBNT dan nasihat, pernyataan dan laporan sedemikian tentang operasi ISSBNT pada masa sedemikian dan dalam cara sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan;

- (vi) untuk melaksanakan dengan berkesan apa-apa arahan, direktif atau perintah yang diberikan oleh Pusat Penjelasan bagi melicinkan operasi apa-apa transaksi oleh Pengguna yang Diluluskan Tersebut yang berkaitan dengan ISSBNT;
 - (vii) untuk memberitahu Pusat Penjelasan dengan serta-merta apabila menyedari berlakunya apa-apa pelanggaran atau yang berkemungkinan dilakukan oleh Pengguna yang Diluluskan akan mana-mana Kaedah ini atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan ke atas Pengguna yang Diluluskan yang bersangkutan dengan ISSBNT; dan
 - (viii) fungsi dan tanggungjawab lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, melalui notis yang diberikan kepada Wakil Pengguna, meminda, mevariasikan atau mengubah suai fungsi dan tanggungjawab Wakil Pengguna.
 - (c) Wakil Pengguna hendaklah memastikan bahawa pada setiap masa, sistem keperluan, prasarana, kefungsian dan kawalan prestasi bagi fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah 9.9(a) telah disediakan.
 - (d) Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.9(a) bagi pihak Pengguna yang Diluluskan, Wakil Pengguna hendaklah mematuhi tatacara atau kehendak sebagaimana yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan.

9.10 PERJANJIAN ISSBNT

Peserta ISSBNT atau pelanggan mereka boleh memasukkan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Lampiran 5 dalam perjanjian yang mengawal terma dan syarat ISSBNT yang dipermudah oleh Pusat Penjelasan di bawah Bab 9 dan jika mereka berbuat demikian, perjanjian sedemikian akan disifatkan sebagai perjanjian ISSBNT untuk tujuan perintah pengecualian cukai yang terpakai bagi ISSBNT.

9.11 CAPAIAN KEPADA SISTEM ISSBNT

- (a) Wakil Pembekal atau Wakil Pengguna akan diberikan capaian kepada Sistem ISSBNT untuk melaksanakan apa-apa fungsi dan tanggungjawab.
- (b) Wakil Pembekal dan Wakil Pengguna hendaklah mematuhi apa-apa syarat atau kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan capaian kepada atau penggunaan Sistem ISSBNT.

9.12 KEHENDAK ISSBNT

- (a) Pengguna yang Diluluskan hendaklah memastikan bahawa Pembekal yang Diluluskan memperoleh pengesahan daripada Pembekal yang Diluluskan bahawa Pembekal yang Diluluskan mempunyai Sekuriti ISSBNT yang Layak yang tersedia untuk dijual kepada Pengguna yang Diluluskan. Pengesahan seumpamanya mestilah mempunyai butiran sedemikian dan disenggarakan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (b) Peserta ISSBNT yang bersetuju dengan ISSBNT dan mahukan Sekuriti ISSBNT diserahkan, sama ada menurut Peringkat 1 atau Peringkat 2 ISSBNT, hendaklah setiapnya memberitahu Pusat Penjelasan akan butir ISSBNT yang ditetapkan, melalui

Pembekal atau Wakil Pengguna yang dilantik dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

- (c) Peserta ISSBNT yang bersetuju membatalkan Peringkat 1 ISSBNT menurut Model ISSBNT dan mahukan Sekuriti ISSBNT diserahkan semula kepada Pembekal yang Diluluskan setiapnya hendaklah memberitahu Pusat Penjelasan akan butir yang ditetapkan, melalui Pembekal atau Wakil Pengguna yang dilantik dalam rangka masa dan dalam cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (d) Apabila menerima pemberitahuan yang relevan daripada kedua-dua Peserta ISSBNT, Pusat Penjelasan yang diberi kuasa oleh Pembekal yang Diluluskan dan Pengguna yang Diluluskan, masing-masing, hendaklah mengarahkan Depositori Pusat untuk mendebitkan atau mengkreditkan akaun sekuriti yang diberikan oleh Pembekal yang Diluluskan dan Pengguna yang Diluluskan, mengikut mana-mana yang berkaitan, untuk tujuan penyerahan Sekuriti ISSBNT, dengan syarat:
 - (i) butir yang relevan yang diberikan oleh Peserta ISSBNT disahkan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan; dan
 - (ii) terdapat Sekuriti yang mencukupi dalam akaun Sekuriti Pembekal yang Diluluskan atau Pengguna yang Diluluskan, mengikut mana-mana yang berkaitan, pada masa yang relevan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan untuk menyempurnakan penyerahan Sekuriti ISSBNT.
- (e) Peserta ISSBNT boleh, pada bila-bila masa sebelum Penamatan ISSBNT dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, mengubah suai atau mengubah Sekuriti yang terkandung dalam Sekuriti ISSBNT (termasuk jumlah Sekuriti) menurut apa-apa tindakan yang diambil oleh penerbit Sekuriti ISSBNT yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Sekuriti tersebut.
- (f) Apabila Peringkat 2 ISSBNT dilaksanakan oleh Peserta ISSBNT, Pengguna yang Diluluskan hendaklah menyerahkan Sekuriti ISSBNT kepada Pembekal yang Diluluskan dalam rangka masa dan dalam cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (g) Tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung dalam Kaedah ini, Peserta ISSBNT boleh Menamatkan ISSBNT tanpa pelaksanaan Peringkat 2 ISSBNT dalam apa-apa keadaan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (h) Peserta ISSBNT yang ingin Menamatkan ISSBNT tanpa pelaksanaan Peringkat 2 ISSBNT di bawah Kaedah 9.12(g) hendaklah berbuat demikian dalam cara yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
 - (i) Pusat Penjelasan boleh menghalang Penamatan tanpa pelaksanaan Peringkat 2 ISSBNT yang dirujuk dalam Kaedah 9.12(g).
 - (j) Pelicinan bagi Penamatan ISSBNT oleh Pusat Penjelasan tanpa pelaksanaan Peringkat 2 ISSBNT di bawah Kaedah 9.12(g) tidak menjelaskan hak atau kuasa Pusat Penjelasan untuk mengambil Tindakan bagi pelanggaran mana-mana Kaedah ini atau kehendak Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT.
 - (k) Setiap Peserta ISSBNT yang terlibat dalam Penamatan ISSBNT tanpa pelaksanaan Peringkat 2 ISSBNT hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi Pusat Penjelasan, sama ada tanggung rugi sedemikian dituntut oleh Pusat Penjelasan semasa atau selepas tamat tempoh Peserta ISSBNT sebagai Pembekal yang Diluluskan atau Pengguna yang Diluluskan, daripada dan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, tuntutan, liabiliti, kos atau perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada kos guaman berasaskan peguam dan pelanggan) yang dialami atau ditanggung oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara langsung atau tak langsung, yang

timbul daripada atau yang berkaitan dengan Penamatan ISSBNT tanpa pelaksanaan Peringkat 2 ISSBNT.

- (I) Peserta ISSBNT semata-mata yang bertanggungjawab terhadap semua hak dan obligasi yang timbul daripada, dan hendaklah mengambil semua risiko kemungkiran dan pemulihan yang berkaitan dengan hubungan antara Peserta ISSBNT. Pusat Penjelasan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap pelaksanaan apa-apa obligasi yang timbul daripada hubungan peminjaman antara Peserta ISSBNT.

9.13 AKAUN SEKURITI YANG DITENTUKAN

Pengguna yang Diluluskan hendaklah memastikan bahawa semua Sekuriti ISSBNT dipegang dalam dan sekiranya relevan, dipindahkan kepada, akaun sekuriti yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dan bukan akaun sekuriti lain.

9.14 TINDAKAN OLEH PUSAT PENJELASAN

- (a) Pusat Penjelasan boleh melaksanakan apa-apa kuasa yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.14(b) dengan serta-merta tanpa merujuk Peserta/Wakil SBLNT selanjutnya:
- (i) jika Peserta/Wakil SBLNT melakukan pelanggaran mana-mana syarat atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT;
 - (ii) jika Pusat Penjelasan menetapkan dengan menurut budi bicara mutlaknya bahawa Peserta/Wakil SBLNT tidak dapat menjalankan apa-apa ISSBNT disebabkan apa-apa keadaan termasuklah kebankrapan dan pencairan;
 - (iii) jika Pusat Penjelasan menetapkan bahawa Peserta/Wakil SBLNT berkemungkinan mengakibatkan kemudaratan kepada Peserta/Wakil SBLNT lain hasil pelanggaran mana-mana kehendak atau obligasi yang berkaitan dengan ISSBNT; atau
 - (iv) dalam apa-apa keadaan sedemikian yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlaknya yang dianggap sesuai.
- (b) Tanpa menjelaskan apa-apa kuasa Pusat Penjelasan yang terkandung dalam Akta, Kaedah ini atau mana-mana direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan, tindakan yang boleh diambil oleh Pusat Penjelasan apabila berlakunya mana-mana kejadian yang dinyatakan dalam Kaedah 9.14(a) termasuklah satu atau lebih daripada yang berikut:
- (i) melarang Peserta/Wakil SBLNT daripada memasuki mana-mana atau semua ISSBNT baharu dan/atau transaksi yang dihasratkan di bawah apa-apa direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT;
 - (ii) mengantung atau menamatkan Peserta/Wakil SBLNT sebagai Peserta/Wakil SBLNT;
 - (iii) memberitahu semua Peserta/Wakil ISSBNT akan pengantungan atau penamatan mana-mana Peserta/Wakil SBLNT; atau
 - (iv) mengehadkan aktiviti atau akses Peserta/Wakil SBLNT kepada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT berdasarkan terma sedemikian dan bagi tempoh sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlaknya.

- (c) Apabila tindakan telah diambil di bawah Kaedah 9.14(b), Peserta/Wakil SBLNT boleh membuat representasi kepada Pusat Penjelasan bagi menamatkan tindakan yang diambil. Selepas representasi dibuat, Pusat Penjelasan boleh menamatkan tindakan yang telah diambil. Walau bagaimanapun, hakikatnya penamatkan tindakan sedemikian tidak seharusnya ditafsirkan sebagai peninggalan atau kesilapan yang apa-apa jenis pun di pihak Pusat Penjelasan dalam melaksanakan tindakan di bawah Kaedah 9.14(b).
- (d) Pusat Penjelasan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh mana-mana pihak yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah Kaedah 9.14(b) dengan syarat Pusat Penjelasan telah bertindak dengan niat baik.
- (e) Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan yang sebaliknya dalam Kaedah ini, sekiranya dianggap perlu, Pusat Penjelasan boleh:
 - (i) menggantung perkhidmatan dan kemudahan ISSBNT sepenuhnya atau sebahagiannya bagi tempoh sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlaknya; atau
 - (ii) mengarahkan Peserta ISSBNT untuk Menamatkan ISSBNT menurut mana-mana direktif atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis, dan mengambil Tindakan sedemikian yang selanjutnya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan, dalam rangka masa dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

9.15 PERUNTUKAN MAKLUMAT

Peserta/Wakil ISSBNT hendaklah memberikan kepada Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti apa-apa maklumat atau Dokumen yang berkaitan dengan apa-apa ISSBNT sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti.

9.16 PENDEDAHAN MAKLUMAT

Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan dalam Kaedah ini, Pusat Penjelasan hendaklah berhak untuk:

- (a) mendedahkan apa-apa maklumat atau untuk mengeluarkan apa-apa dokumen yang dimilikinya atau yang dikawalnya yang berkaitan dengan ISSBNT apabila dikehendaki atau diminta berbuat demikian oleh Suruhanjaya Sekuriti; dan
- (b) mendedahkan apa-apa maklumat yang dimiliki atau dikawalnya kepada Suruhanjaya Sekuriti atau kakitangan Bursa lain yang diberi kuasa dengan cara memberikan kepada orang sedemikian akses kepada Sistem ISSBNT untuk tujuan memudahkan pelaksanaan tugas dan fungsi di bawah kehendak, kaedah atau undang-undang yang relevan.

9.17 FI DAN CAJ

- (a) Peserta/Wakil SBLNT hendaklah membayar kepada Pusat Penjelasan fi dan caj yang relevan yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan apa-apa atau semua perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT.

- (b) Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa sekiranya dianggap perlu menurut budi bicara mutlaknya, mevariasikan atau mengubah apa-apa fi dan caj melalui pemberitahuan dalam Pekeliling SBL dan tanpa apa-apa notis selanjutnya kepada Peserta/Wakil ISSBNT.

9.18 LIABILITI

Pusat Penjelasan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana orang bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang boleh ditanggung atau dialami oleh orang sedemikian disebabkan pelaksanaan atau pelaksanaan yang diniatkan akan apa-apa kuasa atau pelaksanaan apa-apa tugas atau fungsi yang diberikan atau dikenakan ke atas Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT dan yang dilaksanakan oleh Pusat Penjelasan dengan niat baik.

9.19 FORCE MAJEURE

- (a) Sekiranya Pusat Penjelasan dikehendaki menggantung operasi Sistem ISSBNT, mengikut mana-mana yang berkaitan, dan peruntukan semua perkhidmatan sampingan, dengan Rekod Pusat Penjelasan, Depositori Pusat atau Sistem ISSBNT tidak dapat disediakan atas apa-apa sebab sekalipun, tidak boleh dicapai, lewat atau dihalang dalam apa-apa cara, Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kegagalan, halangan atau kelewatan dalam pemberian perkhidmatan atau bagi kegagalan untuk memberikan atau kelewatan dalam pelaksanaan berkesan apa-apa notis atau komunikasi daripada Peserta/Wakil SBLNT.
- (b) Pusat Penjelasan atau pengarah, pegawai, kakitangan atau ejen tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang boleh dialami atau ditanggung oleh Peserta/Wakil SBLNT yang timbul daripada sebab yang di luar kawalan munasabah termasuklah, tanpa had, ketentuan Tuhan atau musuh awam, tindakan pihak berkuasa awam atau tentera, malapetaka semula jadi, embargo, tindakan industri, kebakaran, banjir, kerosakan mekanikal, kegagalan komputer atau sistem atau sabotaj, kelewatan atau ketakupayaan untuk bertindak oleh mana-mana pendaftar, gangguan bekalan tenaga atau utiliti atau perkhidmatan lain, sekatan mata wang, mana-mana undang-undang, peraturan atau perintah mana-mana kerajaan, pihak berkuasa berwibawa atau mana-mana mahkamah atau tribunal, perperangan atau keganasan.

9.20 TANGGUNG RUGI OLEH WAKIL PEMBEKAL ATAU WAKIL PENGGUNA

Setiap Wakil Pembekal atau Wakil Pengguna hendaklah bertanggungjawab terhadap operasi dan fungsi sendiri sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah ini, Pekeliling ISSBNT atau selainnya dan mesti menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi Pusat Penjelasan, sama ada tanggung rugi sedemikian dituntut oleh Pusat Penjelasan semasa atau selepas penamatkan tempoh sebagai Wakil Pembekal atau Wakil Pengguna, bagi apa-apa kerugian, kos guaman (termasuklah kos guaman pihak ketiga), ganti rugi atau liabiliti yang dialami atau ditanggung oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara langsung atau sebaliknya, disebabkan apa-apa kecuaian, peninggalan, kesilapan, salah tafsiran, penipuan atau kesilapan di pihak Wakil Pembekal atau Wakil Pengguna, pekerja atau ejennya, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa tindakan atau peninggalan sedemikian dilakukan semasa tempohnya sebagai Wakil Pembekal atau Wakil Pengguna.

9.21 KAEDAH-KAEDAH PUSAT PENJELASAN ADALAH MENDAHULUI

Peserta/Wakil ISSBNT hendaklah memastikan bahawa peruntukan perjanjian yang diikat dalam kalangan Peserta/Wakil ISSBNT tidak seharusnya dalam apa-apa cara pun tidak tekal dengan mana-mana Kaedah atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan atau peruntukan perjanjian yang diikat antara Peserta/Wakil ISSBNT dengan Pusat Penjelasan yang bersangkutan dengan ISSBNT (“Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan”), dan Peserta/Wakil ISSBNT mesti menguatkuasakan Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan.

LAMPIRAN 1

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn. Bhd.,
Dataran Bursa,
Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur.

PEMATUHAN TERHADAP KEHENDAK YANG DIKENAKAN OLEH BURSA MALAYSIA SECURITIES CLEARING SDN. BHD. (“BURSA PENJELASAN”) YANG BERKAITAN DENGAN WAKIL PEMBEKAL

Menurut kehendak Kaedah 9.6(a) bagi Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Sekuriti Clearing Sdn. Bhd. (“Kaedah-Kaedah Bursa Penjelasan”), kami [nama Peserta Penjelasan yang digunakan sebagai Ejen Peminjaman] dengan ini mengisyiharkan dan mengaku janji seperti yang berikut:

- (1) kami akan memberikan kepada Bursa Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, apabila diminta, apa-apa maklumat atau dokumen berkaitan dengan ISSBNT yang dikehendaki oleh Bursa Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, bersangkutan dengan Pembekal yang Diluluskan, yang bagi pihaknya kami bertindak;
- (2) kami telah menggubal satu set Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pembekal yang telah diluluskan oleh lembaga pengarah kami;
- (3) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pembekal telah dikemukakan untuk perhatian kakitangan yang relevan yang telah membaca dan memahami kandungannya;
- (4) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pembekal mematuhi kehendak yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Bursa Penjelasan; dan
- (5) semua sistem dan prasarana yang relevan termasuklah sistem pejabat hadapan dan/atau belakang telah disahkan dan dinilai dari segi keupayaan aplikasi dan juga perisian dan perkakasan serta disahkan beroperasi dan mempunyai semua fungsi, kehendak dan kawalan untuk tujuan menjalankan aktiviti sebagai Wakil Pembekal menurut Kaedah atau direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Bursa Penjelasan.

Bertarikh pada hari bulan [] bulan [] [].

Ditandatangani oleh []

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN 2

Perkara-perkara yang mesti terkandung dalam perjanjian bertulis antara Wakil Pembekal dengan Pembekal yang Diluluskan
(Kaedah 9.6(f))

- (1) Wakil Pembekal ialah wakil Pembekal yang Diluluskan dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah ini atau mana-mana kehendak, direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT;
- (2) Fungsi dan tanggungjawab Wakil Pembekal yang ditetapkan dalam Kaedah ini atau mana-mana kehendak, direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT, sebagaimana yang sama boleh diubah, dipinda, atau divariasikan dari semasa ke semasa; dan
- (3) Wakil Pembekal hendaklah mematuhi obligasi yang dikenakan ke atas Wakil Pembekal, sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini dan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (4) Pembekal yang Diluluskan dengan nyatanya mengizinkan Wakil Pembekal memberikan kepada Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan apa-apa pinjaman yang dimasuki oleh Pembekal yang Diluluskan menurut ISSBNT sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN 3

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn. Bhd.,
Dataran Bursa,
Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur.

**PEMATUHAN TERHADAP KEHENDAK YANG DIKENAKAN OLEH BURSA MALAYSIA
SECURITIES CLEARING SDN. BHD. ("BURSA PENJELASAN") YANG BERKAITAN DENGAN
WAKIL PENGGUNA**

Menurut kehendak Kaedah 9.8(a) bagi Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Sekuriti Clearing Sdn. Bhd. ("Kaedah-Kaedah Bursa Penjelasan"), kami [nama Peserta Penjelasan yang memohon menjadi Wakil Pengguna] dengan ini mengisyiharkan dan mengaku janji seperti yang berikut:

- (1) kami akan memberikan kepada Bursa Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, apabila diminta, apa-apa maklumat atau dokumen berkaitan dengan Pengguna yang Diluluskan, yang bagi pihaknya kami bertindak;
- (2) kami telah menggubal satu set Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pengguna yang telah diluluskan oleh lembaga pengarah kami;
- (3) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pengguna telah dikemukakan untuk perhatian kakitangan yang relevan yang telah membaca dan memahami kandungannya;
- (4) Garis Panduan Dalaman untuk Bertindak sebagai Wakil Pengguna mematuhi kehendak yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Bursa Penjelasan; dan
- (5) semua sistem dan prasarana yang relevan termasuklah sistem pejabat hadapan dan/atau belakang telah disahkan dan dinilai dari segi keupayaan aplikasi dan juga perisian dan perkakasan serta disahkan beroperasi dan mempunyai semua fungsi, kehendak dan kawalan untuk tujuan menjalankan aktiviti sebagai Wakil Pengguna menurut Kaedah atau direktif, pekeliling atau arahan Bursa Penjelasan yang dikeluarkan oleh Bursa Penjelasan.

Bertarikh pada hari bulan [] bulan [] [].

Ditandatangani oleh []

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN 4

Perkara-perkara yang mesti terkandung dalam perjanjian bertulis antara Wakil Pengguna dengan Pengguna yang Diluluskan
(Kaedah 9.8(f))

- (1) Wakil Pengguna ialah wakil bagi Pengguna yang Diluluskan dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah ini atau mana-mana kehendak, direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT;
- (2) Fungsi dan tanggungjawab Wakil Pengguna yang ditetapkan dalam Kaedah ini atau mana-mana kehendak, direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan ISSBNT, sebagaimana yang sama boleh diubah, dipinda, atau divariasikan dari semasa ke semasa; dan
- (3) Wakil Pengguna hendaklah mematuhi obligasi yang dikenakan ke atas Wakil Pengguna, sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini dan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (4) Pengguna yang Diluluskan dengan nyatanya mengizinkan Wakil Pengguna memberikan kepada Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan apa-apa pinjaman yang dimasuki oleh Pengguna yang Diluluskan menurut ISSBNT sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN 5

Perkara-perkara yang hendak dimasukkan dalam perjanjian untuk ISSBNT
(Kaedah 9.10)

- (1) Melainkan pihak-pihak bersetuju selainnya, Sekuriti ISSBNT yang Layak tidak seharusnya dijual di bawah Peringkat 1 melainkan cagaran telah diterima atau akan diterima serentak dengan jualan. Sebagai langkah minimum untuk kepentingan pembekal, cagaran (jika terpakai) hendaklah diserahkan terus kepada pembekal atau wakil pembekal atau pihak ketiga yang ditentukan yang diberi kuasa oleh pembekal atau wakil pembekal;
- (2) Sekuriti ISSBNT yang dijual di bawah Peringkat 1 dan cagarannya (jika terpakai) hendaklah mempunyai nilai mengikut pasaran semasa (sekurang-kurangnya nilai harian) dan jumlah cagaran mesti dilaraskan, jika perlu;
- (3) Bagaimana ISSBNT boleh ditamatkan oleh pembekal atau pengguna, dan bagaimana penamatan sedemikian boleh dikuatkuasakan;
- (4) Pihak mana yang seharusnya berhak terhadap apa-apa dividen atau faedah lain atau pengagihan yang terkumpul ke atas Sekuriti ISSBNT yang dijual di bawah Peringkat 1 dan mana-mana Sekuriti yang diberikan sebagai cagaran;
- (5) Hak dan obligasi pembekal atau pengguna sekiranya mana-mana Sekuriti ISSBNT atau apa-apa Sekuriti yang diberikan sebagai, mengikut mana-mana yang berkaitan, atau mana-mana Sekuriti yang diberikan sebagai cagaran, mengikut mana-mana yang berkaitan, yang dikuatkuasakan melalui penukaran, subbahagi, penggabungan, pengambilalihan penerbit Sekuriti yang terkandung dalam Sekuriti ISSBNT atau melalui tindakan korporat yang lain yang menguatkuasakan Sekuriti sedemikian;
- (6) Sekuriti ISSBNT yang dijual di bawah Peringkat 1 hendaklah diserahkan kepada pengguna bebas daripada apa-apa bebanan atau sekatan;
- (7) Peruntukan yang mengawal fi hendaklah dibayar oleh sama ada pihak di bawah perjanjian yang mentadbir terma dan syarat ISSBNT; dan
- (8) Hak dan remedи mana-mana pihak dalam peristiwa kemungkirian oleh pihak yang lain.

[Lampiran tamat]